

SOALAN NO. 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju mengubah syarat kelayakan bantuan bulanan kebajikan yang menetapkan bahawa pendapatan keluarga penerima mesti kurang daripada RM1,000 sebulan memandangkan gaji minimum untuk Semenanjung Malaysia telah ditetapkan pada RM1,000 sebulan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan kadar bantuan yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa, KPWKM mengguna pakai kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Mulai 1 Januari 2016, JKM telah menggunakan PGK Semasa Tahun 2014 yang dikeluarkan oleh EPU iaitu RM930 bagi Semenanjung Malaysia, RM990 bagi Sarawak dan RM1,170 bagi Sabah dan Labuan. Penggunaan PGK Semasa Tahun 2014 ini telah diguna pakai dalam menentukan kelulusan permohonan Bantuan Am Persekutuan dan Bantuan Kanak-Kanak. PGK Semasa Tahun 2014 relevan dengan situasi kos sara hidup tinggi yang dihadapi masyarakat kini. Walau bagaimanapun, Skim bantuan selain Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Am Persekutuan kekal

menggunakan PGK sedia ada RM720 sebulan kerana kadar kelayakan dinyatakan dalam kriteria khusus adalah lebih tinggi ataupun tidak berkait dengan kadar PGK Semasa Tahun 2014.

SOALAN (21)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 3 OGOS 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]**

SOALAN :

YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil kajian Kerajaan dalam menilai kenaikan pendapatan per-kapita negara dengan kualiti taraf hidup rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar pembangunan sosioekonomi untuk mencapai pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sejak Rangka Rancangan jangka Panjang Pertama pada tahun 1971. Di samping pemantauan pencapaian ekonomi melalui pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK), Kerajaan turut memantau peningkatan tahap kesejahteraan rakyat melalui Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). Bagi tempoh 2000 sehingga 2015, KDNK negara berkembang sebanyak 5.1% setahun sementara IKRM pula telah meningkat sebanyak 1.4% setahun.

Hasil analisis menunjukkan bahawa peningkatan IKRM dan pertumbuhan KDNK mempunyai korelasi yang tinggi dan wujudnya hubung kait positif yang kukuh. Ini bermakna IKRM dijangka akan turut meningkat dengan perkembangan KDNK. Dalam kata lain, pertumbuhan ekonomi negara bersifat inklusif, di mana hasil pembangunan negara dapat disalurkan terus kepada rakyat. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan sektor sosial, di mana lebih kurang 30 peratus daripada

keseluruhan peruntukan pembangunan telah disalurkan ke sektor ini. Namun begitu, IKRM juga telah menunjukkan terdapat beberapa bidang yang berprestasi kurang memuaskan seperti bidang kesihatan, alam sekitar dan keluarga. Kerajaan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan sedang mengambil langkah untuk menanganinya melalui program dan inisiatif yang bersesuaian.

Sekian. Terima kasih.

3 Ogos 2017